

12/05/1998

Arkib Negara pinda waktu lawatan

KUALA LUMPUR, Isnin - Waktu lawatan di memorial, pustaka dan rumah kelahiran di bawah Arkib Negara Malaysia di seluruh negara dipinda bersesuaian dengan waktu puncak kunjungan orang ramai.

Pindaan itu membabitkan Memorial Tun Abdul Razak, Jalan Perdana, Kuala Lumpur; Pustaka Perkhidmatan Awam, Jalan Cenderawasih, Kuala Lumpur; dan Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, Jalan Datuk Onn, Kuala Lumpur.

Pindaan juga dibuat kepada waktu lawatan di Pustaka Peringatan P Ramlee, Setapak, Kuala Lumpur; Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad, Alor Setar, Kedah dan Rumah P Ramlee, Pulau Pinang.

Waktu lawatan bagi semua enam memorial, pustaka dan rumah kelahiran berkenaan dipinda dari jam 9 pagi hingga 6 petang kepada 10 pagi hingga 5 petang (Selasa-Ahad); 10 pagi hingga 12.15 tengah hari dan 3 petang hingga 5 petang (Jumaat), manakala ditutup pada Isnin.

(END)